# 1,000 anak pokok dijual di UPM mulai 30 Oktober hingga 4 November

**KUALA LUMPUR 20 Okt.** - Sebanyak 1,000 anak pokok buah-buahan termasuk anak pokok durian yang dihasilkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dijual pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM kali ke-39 pada bermula 30 Oktober hingga 4 November ini.

UPM menerusi satu kenyataan berkata, antara jenis anak pokok durian yang akan dijual termasuklah jenis klon D24, D99 (Kopi Kecil), D168 (Hajah Hasmah) dan D197 (Raja Kunyit).

Katanya, pokok-pokok tersebut akan dijual pada harga RM10 sepokok pada ekspo berkenaan yang dibuka secara percuma bermula pukul 10 pagi sehingga 10 malam.

"Selain itu, sebanyak 343 anak pokok rambutan jenis R191 dan 48 anak pokok mangga jenis MA224 Cok Anan turut dijual ketika berlangsungnya ekspo tersebut. Turut dijual sebanyak 148 anak pokok nangka jenis J33 di samping 166 anak pokok jambu batu jenis GU15

"Semua anak pokok tersebut yang dikeluarkan oleh Taman Pertanian Universiti (TPU) menyertai Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) Jabatan Pertanian bagi memastikan produk UPM adalah tulen dan berkualiti," katanya di sini hari ini.

TPU yang kini dikenali sebagai Putra Mart telah memperoleh sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP), Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) dan Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) pada tahun ini.

Dalam pada itu, kenyataan itu berkata, tema ekspo tahun ini iaitu Mendepani Pertanian dilihat sejajar dengan matlamat UPM untuk menarik minat masyarakat supaya menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang lebih dinamik.